

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN ALAT BAHAN BANTU MENGAJAR (ABBM)
BERBANTUKAN KOMPUTER BAGI MATA PELAJARAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN

MASIDAH BINTI MASRI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

Buat kedua-dua insan yang disayangi dan dikasihi:

Ayahanda, Masri bin Kemis & Bonda, Siti Moriah binti Hj. Abd. Ghani.
ribuan terima kasih di atas segala sokongan, bimbingan,
perhatian dan kasih sayang yang
dicurahkan selama ini.

Buat ahli keluarga yang tersayang:

Mohd. Heri, Mashadi, Mas Said, Mashahril dan Masniza Syafina.

Buat insan istimewa:

yang banyak memberikan dorongan dan sokongan.

Serta rakan-rakan seperjuangan sekalian.

Terima kasih atas dorongan, sokongan dan pengorbanan yang dicurahkan.

Kejayaan ini untuk kita semua.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya siaplah sudah Projek Sarjana ini mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan buat pembimbing En. Badaruddin bin Ibrahim yang telah banyak membantu dalam menyiapkan Projek Sarjana ini. Segala bimbingan, dorongan, teguran dan ilmu yang dicurahkan amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Pihak Jabatan Perdagangan POLITEKNIK PORT DICKSON yang telah banyak memberikan maklumat dan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek sarjana ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan khas buat keluarga yang tersayang di atas doa dan dorongan serta rakan-rakan seperjuangan di atas segala bantuan ikhlas yang diberikan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan dan menilai alat bahan bantu mengajar (ABBM) berbantuan komputer bagi mata pelajaran Pengurusan Perniagaan. ABBM ini dibangunkan dengan menggunakan perisian *Microsoft Powerpoint* dan dinilai kesesuaiannya dari segi isi kandungan dan bahasa, persembahan, daya penarik dan penjimatkan masa pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 38 orang pelajar Diploma Akauntansi (DAT 3B) di Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson. Data dikumpul melalui kaedah soal selidik dan dianalisa berdasarkan taburan kekerapan, peratusan dan skor min dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) version 11.0*. Dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap pembangunan ABBM berbantuan komputer digunakan dalam proses P&P adalah amat tinggi. Adalah diharapkan ABBM ini dapat dilaksanakan di Politeknik Port Dickson dalam proses P&P. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan lagi penggunaan ABBM dalam proses P&P sama ada dengan menggunakan perisian yang sama atau pelbagai perisian lain yang terkini.

ABSTRACT

The purpose of this research is to develop and evaluate a Computer-Aided Teaching Aid (CATA) for *Pengurusan Perniagaan* subject. This teaching aid is produced by using Microsoft Powerpoint. Its effectiveness is evaluated from the perspectives of content and language, user interface, attractiveness and time consumption. The sample of this research consists of 38 students pursuing for a Diploma in Accountancy (DAT 3B) at Politeknik Port Dickson. The data was collected through questionnaires and analyzed based on the frequency distribution, percentage and mean score, using Statistical Package For Social Science (SPSS). The findings of this result showed high evaluation rate for the CATA produced. It means that CATA should be used at Politeknik Port Dickson to enhance the learning and teaching processes.



PTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJAL AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PEMBIMBING	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB I	PENDAHULUAN	
--------------	--------------------	--

	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8

1.6	Kerangka Teori Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian.	10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Batasan Kajian	11
1.10	Definisi Istilah	11

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) Berbantuan Komputer	14
2.3	Kepentingan Teknologi Pendidikan	18
2.4	Penggunaan Komputer Dalam Pendidikan	20
2.5	Pendekatan P&P Berasaskan Komputer	22
2.6	Penggunaan <i>Microsoft Powerpoint</i> Dalam Membangunkan ABBM	23
2.7	Manfaat Penggunaan Media Pengajaran	26
	2.7.1 Manfaat Kepada Pendidik	26
	2.7.2 Manfaat Kepada Pelajar	27
2.9	Sorotan Kajian Lepas	28
2.10	Kesimpulan	30

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	32
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	33
3.4	Tempat Kajian	34

3.5	Instrumen Kajian	34
3.5.1	Struktur Alat Kajian	34
3.5.1.1	Soal Selidik	34
3.6	Kajian Rintis	35
3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan	36
3.7	Pembolehubah Kajian	37
3.7.1	Pembolehubah Bersandar	37
3.7.2	Pembolehubah Tidak Bersandar	37
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	38
3.8.1	Pembentukan Soal Selidik	38
3.8.2	Mentadbir Soal Selidik	40
3.9	Tatacara Penganalisisan Data	40
3.9.1	Pengkodan Data	41
3.9.1.1	Pengkodan Data Bahagian A	41
3.9.1.2	Pengekodan Data Bahagian B	42
3.9.2	Kemasukan Data	43
3.9.3	Pengukuran Pembolehubah	43
3.9.4	Kaedah Analisis Statistik	45

BAB IV REKABENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	47
4.2	Latar Belakang Produk	47
4.3	Rekabentuk Produk	48
4.3.1	Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	48
4.3.2	Penyediaan Slaid <i>Powerpoint</i>	49
4.4	Kronologi Pembangunan Produk	53
4.5	Permasalahan Dalam Membangunkan Produk	56
4.6	Kos Pembangunan Produk	56
4.6.1	Bahan	56
4.6.2	Kos	57

4.6.3	Masa	57
4.7	Penilaian Produk	57
4.7.1	Pemilihan dan Pembinaan Instrumen Menilai Produk	58
4.7.2	Pemilihan Sampel Kajian	58
4.7.3	Fokus Penilaian	59
4.7.4	Cadangan Pembaikan	59

BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	60
5.2	Latar Belakang Responden	61
5.2.1	Jantina Responden	61
5.2.2	Kumpulan Umur Responden	62
5.2.3	Kelayakan Kemasukan Pelajar Ke Politeknik	62
5.2.4	Bangsa Responden	63
5.3	Prosedur Menganalisis Data	64
5.4	Dapatan Kajian	65
5.4.1	Kesesuaian Isi Kandungan dan Bahasa ABBM	66
5.4.2	Kesesuaian Persembahan ABBM	68
5.4.3	Menarik Minat	71
5.4.4	Menjimatkan Masa	74
5.5	Kesimpulan	76

BAB VI PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

6.1	Pengenalan	77
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	77
6.2.1	Kesesuaian Isi Kandungan dan Bahasa ABBM	78
6.2.2	Kesesuaian Persembahan ABBM	79
6.2.3	Menarik Minat	80
6.2.4	Menjimatkan Masa	82
6.3	Cadangan	83
6.3.1	Cadangan Penggunaan	83
6.3.2	Cadangan Pembaikan	83
6.3.3	Cadangan Kajian Seterusnya	84
6.4	Kesimpulan	85
6.5	Penutup	87

RUJUKAN

88

LAMPIRAN

93



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Contoh Item Latar Belakang Etnik	38
3.2	Contoh Item dan Pernyataan Masalah	39
3.3	Markat, Skala Likert dan Pernyataan	44
3.4	Skala Tafsiran Julat Min	45
5.1	Jumlah Responden Mengikut Jantina	61
5.2	Jumlah Responden Mengikut Kumpulan Umur	62
5.3	Jumlah Responden Mengikut Kelayakan Kemasukan	63
5.4	Jumlah Responden Mengikut Bangsa	64
5.5	Skala Tafsiran Julat Min	65
5.6	Skor Min dan Tahap Kesesuaian Isi Kandungan dan Bahasa ABBM	67
5.7	Skor Min dan Tahap Kesesuaian Persembahan ABBM	70
5.8	Skor Min dan Tahap Menarik Minat	73
5.9	Skor Min dan Tahap Menjimatkan Masa	75

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	9
4.1	Isi Kandungan ABBM	50
4.2	Pemilihan Bentuk Slaid	50
4.3	Pemilihan Corak dan Warna Latar Belakang	51
4.4	Menaip Isi Kandungan	52
4.5	Mengemaskinikan Persembahan	52
4.6	Memasukkan Kesan Audio dan Visual	53
4.7	Rangka Kerja Operasi Penyediaan ABBM	55
5.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	61
5.2	Taburan Responden Mengikut Kumpulan Umur	62
5.3	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Kemasukan	63
5.4	Taburan Responden Mengikut Bangsa	64

SENARAI SINGKATAN

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Package for the Social Science 11.0
DAT	-	Diploma Akauntansi
Hlm	-	Halaman
CD	-	Cakera Padat



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A :	Surat Kebenaran Kajian	93
B :	Keputusan Ujian Alpha Cronbach	97
C :	Borang Soal Selidik	102
D :	Keputusan Skor Min, Bilangan dan Peratusan Pelajar	108



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan dunia teknologi maklumat yang pesat telah banyak mengubah senario kehidupan masyarakat pada masa kini. Bersesuaian dengan kehendak zaman, perubahan demi perubahan dilakukan tidak kira dalam bidang apa sekalipun bagi menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi semasa. Antara sektor yang turut terlibat ialah bidang pendidikan negara.

Menurut Trilling and Hood (1999 dalam M Balakrishnan, 2002), tahun 2000 merupakan tahun kesepuluh selepas tibanya era yang dikenali sebagai *Knowledge Era* atau Era Pengetahuan. Komputer merupakan salah satu alat (tool) yang penting dalam era pengetahuan. Dengan kemajuan yang pesat dalam bidang teknologi komputer dan terciptanya komputer peribadi yang murah serta mempunyai keupayaan yang tinggi, komputer telah digunakan secara meluas dalam berbagai-bagai bidang. Komputer digunakan secara meluas dalam bidang-bidang seperti perniagaan, perubatan, pentadbiran kerajaan, hiburan dan juga pendidikan. Dalam lain perkataan penggunaan komputer telah mengubah cara manusia bekerja, belajar, dan berhibur.

Komputer sebenarnya sudah lama diperkenalkan dalam bidang pendidikan. Penggunaan komputer dalam pendidikan telah bermula sejak 35 tahun yang lalu. Pada tahun 1960-an, satu usaha yang besar telah dilancarkan untuk meninjau keupayaan komputer di dalam bidang pendidikan. Usaha ini melibatkan pihak kerajaan, pengkaji dari universiti dan pembuat komputer yang mana didapati penggunaan komputer yang meluas ini dapat disesuaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Memandangkan potensi penggunaan komputer begitu cerah dalam pendidikan maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai projek komputer kepada pelajar seperti Pengenalan Kepada Komputer, Komputer Dalam Pendidikan serta Perkhemahan Komputer yang sering ditaja oleh syarikat swasta dan media massa (Abdul Razak Habib dan Jamaludin Badusah, 1998).

Dalam bidang pendidikan, walaupun pendidik seorang individu yang mempunyai kuasa autonomi tetapi dengan bantuan komputer proses P&P dapat ditingkatkan seperti membantu pendidik menyelesaikan masalah dalam pengajaran. Ini dapat dilihat melalui kebaikan penggunaan komputer itu sendiri seperti dapat memberi maklum balas dengan cepat, boleh menyesuaikan pembelajaran mengikut keperluan individu pelajar, boleh digunakan oleh pelajar pada masa yang sesuai serta pembelajaran melalui komputer dirancang secara berperingkat daripada pengetahuan asas kepada peringkat yang susah.

Untuk melaksanakan proses P&P yang lebih berkesan, pendidik perlulah bijak dalam memilih bahan yang sesuai. Oleh itu, para pendidik iaitu sebahagian pendidik institusi pengajian tinggi dilatih dengan kemahiran asas menyusun bahan pengajaran menggunakan alat bahan bantu mengajar (ABBM), tumpuan pada isi kandungan (armourphous lecturer) dan tumpuan pada pelbagai kaedah (electric lecturer). ABBM ini juga membantu memudahkan pendidik dengan bantuan teknologi yang ada. Penggunaan teknologi yang sering digunakan adalah seperti *OHP*, slaid transparensi dan perisian *Powerpoint*. Hasil dari penggunaan bantuan teknologi ini didapati telah mewujudkan komunikasi yang berbentuk dua hala. Dengan ini objektif komunikasi dalam pendidikan dapat dicapai.

Melalui pelbagai kaedah teknologi pendidikan ini maka pendidik boleh mengaplikasikan P&P mereka di dalam bentuk perisian *Powerpoint*. Menurut Wan Salihin Wong Abdullah, Mat Jizat Abdol dan Mohd. Bilal Ali (1999), perisian *Microsoft Powerpoint* dengan 'visual pegun' lebih menarik melalui warna, audio dan animasi yang digunakan.

1.2 Latar belakang Masalah

Penggunaan teknologi pendidikan dalam proses P&P tidak dapat dinafikan boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Zuhaida Iberahim, 2002). Ini sejajar dengan perkembangan teknologi yang semakin berkembang, maka kaedah pengajaran juga turut berubah. Ini dapat dilihat pada penggunaan komputer dalam P&P.

Begitu juga dalam bidang pendidikan perubahan ini turut berlaku di mana aspek penggunaan bahan sokongan pengajaran bagi membantu proses P&P turut berubah. Peralihan daripada proses P&P secara tradisi kepada penggunaan ABBM seperti penggunaan media elektronik dan bukan elektronik merupakan satu kemajuan dalam bidang pendidikan. Penggunaan media pendidikan seumpama ini yang merupakan sebahagian daripada teknologi pendidikan adalah untuk membantu meningkatkan keberkesanan proses P&P.

Menurut Suradi Salim (1989), proses pendidikan yang melibatkan proses P&P di institusi pengajian tinggi telah menjadi semakin kompleks dan mencabar. Para pendidik bukan sahaja memerlukan kelulusan yang tinggi tetapi mereka juga memerlukan kemahiran dalam menyampaikan pengajaran dan membangunkan ABBM yang sesuai supaya dapat memenuhi cabaran tersebut. Persoalan yang sering wujud dalam proses pendidikan adalah apa, bagaimana dan kepada siapa pendidikan

itu hendak disampaikan. Persoalan apa melibatkan isi kandungan pengajaran yang ingin disampaikan, persoalan bagaimana pula melibatkan kaedah yang ingin digunakan untuk menyampaikan isi kandungan dan persoalan kepada siapa adalah perlu disesuaikan dengan ciri-ciri pelajar yang ingin diajar iaitu dari segi latar belakang, kebolehan dan sebagainya.

Peranan pendidik di alaf baru ini juga tidak terhad kepada mengajar sahaja, malah mereka mempunyai tugas yang lain seperti mengkaji, menelaah serta komitmen lain dalam institusi pengajian tinggi atau masyarakat sekeliling. Komitmen lain yang dihadapi oleh pendidik adalah seperti komitmen terhadap persatuan, kelab atau peranan lain. Kewujudan situasi ini mungkin akan menyebabkan suasana pembelajaran yang kurang produktif kerana pendidik tidak mempunyai banyak masa dengan pelajar.

Oleh itu, penggunaan ABBM akan dapat membebaskan para pendidik dari membuat persediaan untuk bahan yang serupa dan banyak lagi tugas-tugas rutin pentadbiran yang sepatutnya dilakukan oleh kakitangan sokongan dan ini boleh meningkatkan lagi produktif mereka (Tengku Mohd Azman, 1991 dalam Shaharom Noordin, 1991). Ini disebabkan banyak masa digunakan untuk aktiviti lain selain dari mengajar maka produktif mereka menjadi rendah. Pengurusan masa juga agak terhad menyebabkan komunikasi di antara pendidik dan pelajar adalah kurang. Bagi mengatasi masalah ini pendidik perlu menggunakan ABBM yang sesuai iaitu dengan menggunakan komputer. Melalui kaedah ini para pendidik dapat merancang, mengatur, menyusun serta membuat penilaian bagi mata pelajaran tersebut.

Selain itu, penggunaan ABBM berbantuan komputer juga mampu memotivasikan pelajar agar lebih berminat untuk belajar walaupun dalam kelas yang besar dan tidak mendapat perhatian yang sepenuhnya daripada pendidik mereka. Menurut Maizurah Omar dan Fattami Mokhtar (2000), pengajaran berasaskan bahan ini dapat memotivasikan pelajar yang bertujuan untuk mendapatkan perhatian pelajar, sebagai stimulus, inspirasi, membentuk keseronokan dalam belajar,

memudahkan pembelajaran dan menyediakan suasana pembelajaran yang efektif kepada para pelajar.

Baharudin Aris, Noraffandy Yahaya, Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2000), juga menyatakan ransangan yang terdapat dalam ABBM berbantuan komputer seperti teks, grafik, animasi, bunyi dan video dapat menarik perhatian dan menjadikan pengajaran lebih bermakna dan seronok.

Ketiadaan bentuk bahan sokongan pengajaran yang sesuai sedang dihadapi di dalam kelas pada masa kini. Terdapat pendidik yang cuba membina bahan pengajaran yang sesuai dalam proses pengajaran mereka tetapi ia tidak mampu untuk menarik minat pelajar kerana tidak mengambilkira ciri-ciri yang diperlukan. Dengan ini, pendidik perlulah peka akan teknik pengajaran mereka. Persembahan pengajaran melalui komputer yang bergambar, tulisan berwarna dan animasi-animasi lain mampu menarik minat pelajar untuk belajar. Menurut Mohd Khatim Hassan (2000), sebelum kaedah P&P menggunakan komputer dilaksanakan, dimana kaedah klasik digunakan didapati situasi P&P adalah kurang menarik dan kebanyakan pelajar tidak menunjukkan minat dalam sesi pembelajaran. Pernyataan ini disokong oleh Makros dan Russel (1986), yang di petik dari Mohd Khatim Hassan (2000), telah membuktikan bahawa teknik dan bahan pengajaran yang menggunakan kaedah lama tidak begitu berkesan. Dengan wujudnya ABBM ini maka masalah ini akan dapat diatasi.

Justeru itu, penggunaan ABBM dalam P&P dapat mengelakkan pelajar daripada bergantung sepenuhnya kepada teks yang disyorkan dan mereka boleh menumpukan sepenuh perhatian pada pengajaran yang disampaikan menggunakan ABBM yang sesuai. Apabila menggunakan buku teks, terdapat beberapa konsep yang sukar untuk difahami oleh pelajar. Selain itu, pendidik juga hanya bergantung kepada modul transparensi untuk menyampaikan pengajaran mereka. Penyediaan modul ini melibatkan kos yang banyak untuk membeli transparensi dan kurang menarik minat pelajar untuk memberikan perhatian semasa proses pengajaran.

Melalui ABBM yang ada, para pendidik akan dapat menyampaikan proses pengajaran di dalam kelas atau bilik kuliah dengan lebih mudah dan berkesan. Menurut Baharudin Aris, *et. al* (2000), penggunaan ABBM berteknologi dilihat sebagai satu pilihan bagi meningkatkan keberkesanan proses P&P kerana ianya melibatkan penggunaan pancaindera pelajar seperti penglihatan (75%), pendengaran (13%), sentuhan (6%), rasa (3%) dan bau (3%).

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidik memainkan peranan yang penting dalam memastikan Falsafah Pendidikan Negara tercapai. Sebagai seorang yang amat penting, segala arahan dan pelajaran yang disampaikan terpaksa diterima oleh pelajar tetapi mereka akan lebih berminat dan menghayati usaha pendidik yang dapat mempelbagaikan teknik penyampaian pengajaran.

Dalam kajian ini, masalah yang dihadapi di politeknik adalah kurangnya penggunaan ABBM berbantuan komputer di kalangan pendidik. Berdasarkan pengalaman dan maklumat pendidik Pengurusan Perniagaan, ABBM yang sering digunakan di Politeknik Port Dickson adalah papan tulis dan modul bercetak. Seजार dengan perkembangan teknologi, para pendidik seharusnya mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka dengan menggunakan ABBM yang lebih sesuai. Menurut Noran Fauziah Yaakob (1994), peranan utama teknologi pendidikan adalah untuk membantu memperbaiki keberkesanan proses P&P.

Masalah kedua yang dihadapi adalah pelajar kurang memahami penerangan yang diberikan oleh pendidik. Menurut Rudin Salinger dan Omar Ibrahim (1999, dalam Noor Hamiza Abu Bakar, 2003), menyatakan bahawa berasaskan pemerhatian mereka di dalam bilik darjah mendapati ramai pendidik tidak dapat memberikan

penerangan yang mudah difahami oleh pelajar tentang sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Sebaliknya, pendekatan yang digunakan seringkali membosankan pelajar dan menimbulkan perasaan negatif dalam jiwa mereka.

Seterusnya masalah yang dihadapi adalah kurangnya komunikasi dua hala di dalam kelas yang menggunakan kaedah tradisional. Ini disebabkan kaedah pengajaran tradisional lebih memerlukan pendidik untuk bercakap dan menyebabkan komunikasi dengan pelajar menjadi kurang. Menurut Atan Long (1982), dengan kaedah P&P tradisional ini, pelajar lebih banyak bergantung kepada satu saluran deria sahaja untuk menerima ransangan yang menjadi sumber maklumat untuk diproses.

Berdasarkan kepada masalah yang telah dibincangkan di atas, pengkaji ingin membuat satu kajian melalui produk yang dibangunkan iaitu ABBM berbantuan komputer yang menggunakan perisian *Powerpoint* untuk mata pelajaran Pengurusan Perniagaan bagi topik 4 iaitu Pengarahan. Kajian yang dibuat ini untuk menjawab persoalan-persoalan di atas dan ianya amat diperlukan lebih-lebih lagi untuk meningkatkan martabat pendidikan negara.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Membangunkan ABBM berbantuan komputer yang sesuai dari segi isi kandungan dan bahasa dalam proses mengajar mata pelajaran Pengurusan Perniagaan.


- (ii) Membangunkan ABBM berbantuan komputer yang sesuai dari segi persembahan yang boleh membantu dalam proses P&P.
- (iii) Membangunkan ABBM berbantuan komputer yang dapat menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran.
- (iv) Membangunkan ABBM berbantuan komputer yang dapat menjimatkan masa P&P.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini yang akan dijalankan adalah dengan tujuan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut :

- (i) Adakah ABBM berbantuan komputer yang dibangunkan sesuai dari segi isi kandungan dan bahasa dalam proses mengajar mata pelajaran Pengurusan Perniagaan?
- (ii) Adakah ABBM berbantuan komputer yang dibangunkan sesuai dari segi persembahan yang boleh membantu dalam proses P&P?
- (iii) Adakah ABBM berbantuan komputer yang dibangunkan dapat menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran?
- (iv) Adakah ABBM berbantuan komputer yang dibangunkan dapat menjimatkan masa P&P?

1.6 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Teori

Kesemua objektif kajian telah digambarkan dalam bentuk kerangka teori. Dengan adanya kerangka teori ini, kajian akan menjadi lebih mudah dan sebarang rangka kerja dapat dilaksanakan dengan lancar serta berkesan seperti Rajah 1.1.

1.7 Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini adalah untuk membantu pendidik dalam mempelbagaikan teknik P&P khususnya dalam bidang Pengurusan Perniagaan. Dengan adanya ABBM ini, pendidik tidak perlu membuat persediaan bahan yang serupa bagi topik yang akan diajar.

P&P yang berkesan dapat meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajar. Ini dibantu pula dengan bahan pengajaran yang inovatif dan kreatif menerusi penggunaan perisian *Microsoft Powerpoint*. Maka pendekatan ini mampu menyelesaikan masalah yang dibincangkan sebelum ini. Dengan ini pengkaji berharap agar kajian ini dapat menyelesaikan masalah dan keputusannya akan memberi manfaat kepada semua.

Hasil kajian ini juga penting untuk dijadikan sebagai bahan rujukan oleh pendidik dan pelajar. Pendidik dapat menggunakan ABBM ini sebagai bahan rujukan untuk mengajar di dalam kelas manakala pelajar dapat menjadikan ABBM ini sebagai bahan rujukan sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap topik yang diajarkan.

Oleh itu, kajian ini penting dalam menyelesaikan masalah yang telah dibincangkan sebelum ini. Pengkaji berharap agar ABBM yang dibangunkan dapat membantu proses P&P di dalam kelas agar menjadi lebih efektif dan berkesan. Pengkaji juga berharap agar kajian ini menjadi panduan kepada pengkaji lain dalam menghasilkan pendekatan P&P berasaskan bahan.

Rujukan

Abdul Razak Habib dan Jamaludin Badusah (1998). "Penggunaan komputer Untuk Pembelajaran dan Pengajaran Di Sekolah Menengah." *Jurnal Pendidikan*. 23:53-64.

Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md.Din dan Mohamad Haron. (1992). "Panduan Latihan Mengajar". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Fahmi Fadzil, Ajmir Mohd, Saill dan Azhar Rostani (1999). "Kajian Penggunaan Komputer Di Kalangan Pelajar Semester Dua Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Di KUiTTHO." KUiTTHO. Projek Sarjana.

Ahmad Said. (1991). "Reformasi Pendidikan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah-Cabaran dan Realiti." Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Atan Long. (1982). "Pedagogi Kaedah Am Mengajar." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azrina Ahmad (2002). "Pembangunan dan Penilaian Modul Pembelajaran Kadar Kendiri: Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan." KUiTTHO. Projek Sarjana.

Baharuddin Aris, Noraffandy Yahaya, Jamaludin Harun dan Zaidatun Tasir (2000). "Teknologi Pendidikan: Dari Yang Tradisi Kepada Yang Terkini." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Cleborne, D.M., Lamornt, D. J. dan Jerry , W.W. (1997). "Educational Computing: Learning With Tomorrow Technologies. (2nd Ed.)." Needham Heights: Allyn & Bacon Co.

- Ebel, R.L and Fresbie, D.A (1986). "Essentials of Educational Measurement (4th.Ed)." Prentice-Hall, New Jersey.
- Edgar Dale. (1965). "Audio Visual Methode In Teaching." New York. Holt, Rinehart and Winston.
- Ee AH Meng (1997). "Pedagogi II Perlaksanaan Pengajaran." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faizatul Hafilah Abdul Halim (2002). "Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri 'Prosedur penubuhan Syarikat Sendirian Berhad' Dalam Usaha Melahirkan Siswazah Usahawan." KUiTTTHO. Projek Sarjana.
- Futrell, M. K, and Geisert, P.G. (1984). "The Well-Trained Computer: Designing Systematic Instructional Materials For The Classroom Microcomputer." Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology Publishing.
- Gary, G. B. (1989). "Microcomputers In Education Today." New York: Mitchell Publishing, Inc.
- Herman, J.L. (1994). "Evaluating The Effect Of Technology In School Reform." Dlm Means, Barbara. Technology In school Reform: The Reality Behind Promise. California: Jossey-Bass. 133-168.
- Iskandar Ab Rashid & Zaitun Ismail. (2001). "Microsoft PowerPoint 2002."Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Isrulhasrita Ismail (2002). "Tinjauan Ke Atas Penggunaan Pakej Pengajaran Multimedia Ke Atas Sikap Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran Di Politeknik." KUiTTTHO. Projek Sarjana.
- Juriah Long (1964). "Alat dan Bahan Pengajaran Bahasa Melayu". Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia

Kamaruddin Hj. Husin. (1986). "Panduan Latihan Mengajar." Edisi Kedua Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leuhrmann, A. (1984). "The best Way To Teach Computer Literacy." *Electronic Learning*. April: 37-44.

M. Balakrishnan (2002). "Penggunaan Komputer Oleh Guru Pelatih: Dahulu, Sekarang, dan Harapan Masa Depan." Kedah: Jabatan Teknologi Pendidikan Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim.

Maizurah Omar dan Dr Fattami Mokhtar (2000). "Penggunaan Televisyen Dalam Pengajaran Bilik Darjah." Universiti Sains Malaysia.

Mohd Khatim Hassan (2000). "Pembelajaran Matematik Di Era Digital: Pendekatan dan Caranya." Unversiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Molstad, J.A (1974). "A Selective Review of Research Studies showing Media Affectiveness: A Primer for Media Directors." *AV Communications Review* 22(2): 387-405.

Mok Son Sang. (2000). "Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran (edisi kedua)." Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Noor Hamiza Abu Bakar (2003). "Penghasilan Modul Pengajaran Kendiri Mata Pelajaran Seni Reka Tekstil Bagi Tajuk Kaedah Mencetak." KUiTTTHO. Projek Sarjana.

- Noor Haznida Bakar, Nor Lian Mohd. Nordin dan Siti Zawiyah Husain (2001).
“Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM)
Di Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat.” KUiTTHO. Projek Sarjana.
- Noran Fauziah Yaacob (1994). “Buku Panduan Teknologi Pendidikan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms 151-178.
- Norazrina Abd. Shukor (2002). “Pembangunan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Berasaskan Web Untuk Subjek Pola Pakaian (Jurusan Fesyen) di Politeknik.” KUiTTHO. Projek Sarjana.
- Razali Nor (1995). “Teknologi Pendidikan 2 Media Unjuran dan Media Elektronik.” Kuala Lumpur: Budiman Sdn. Bhd.
- Razali Nor (1996). “Modul Belajar Sendiri Teknologi Maklumat 2 Helaiian Elektronik dan Persembahan Elektrik.” Kuala Lumpur: Budiman Sdn. Bhd.
- Rozita Halina (2001). “Faktor-Faktor Kekangan Penggunaan Teknologi Pendidikan Dalam P&P Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Bentong, Pahang.” KUiTTHO. Projek Sarjana.
- Shaharom Noordin dan Dr Yap Kueh Chin (1991). “Mereka Bentuk dan Menilai Modul Pengajaran Kendiri (MPK).” *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 8. hlm 17-44.
- Syarifah Alawiyah Alsagoff (1986). “Teknologi Pendidikan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Haziana Abd. Aziz (2002). “Sikap dan Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Proses P&P Berkomputer (CAI-CAL) Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.” KUiTTHO. Projek Sarjana.

- Suhairi Yunus (2001). "Tahap Penggunaan Komputer Di Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Semester 1, 2, dan 3 Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO): Ke Arah Bakal Pendidik Yang 'Computer Literature'." KUiTTTHO. Projek Sarjana.
- Sulaiman Ngah Razali (1997). "Pedagogi: Teori dan Praktik." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suradi Salim (1989). "Kearah Keberkesanan Pengajaran Di IPT." *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Jilid 13, hlmn 69-81.
- Wan Salihin Wong Abdullah, Hj Mat Jizat Abdol dan Mohd Bilal Ali. (1999). "Teknologi Pengajaran Pembelajaran, Anjakan dan pelaksanaannya." Konvensyen Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusup Hashim (1997). "Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zulkarnain Zakaria dan Hishamuddin Md. Som (2001). "Analisis Data Menggunakan SPSS Window." Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zuhaida Iberahim (2002). "Kesan Penggunaan ABBM Dalam Mata Pelajaran C213 Teknologi Binaan dan Bahan: Kajian Kes di Politeknik Kota Bharu." KUiTTTHO. Projek Sarjana.